

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu setiap pohon yang terpaksa ditebang, digantikan dengan 100 pokok baharu yang wajib ditanam semula.

Menurut catatan di X, Anwar berkata, beliau memberikan arahan itu ke-

Tebang satu, ganti 100 pokok baharu: PM

pada Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh.

“Saya sudah memberi arahan kepada Datuk Bandar iaitu setiap pohon dipotong, 100 pokok baharu wajib di-

tanam semula,” katanya.

Menerusi perkongsian itu, Anwar memberi respons kepada berita disiarkan Bernama pada 13 Mei lalu, yang memetik kenyataan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berhubung tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan kejadian pokok tumbang di ibu negara baru-baru ini.

Menurut Dr Zaliha, DBKL diarahkan segera mengambil tindakan menebang pokok yang berisiko tinggi susulan kejadian terbabit.

Selain itu, Dr Zaliha juga dipetik sebagai berkata,

DBKL diarahkan menambah baik Pelan Pengurusan Pokok Rendang dan menyediakan garis panduan baharu berkaitan pokok berusia atau berisiko tinggi yang dijangka siap pada Julai depan bagi memastikan insiden sama tidak berulang.